

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA
KAWASAN : SIPITANG
TARIKH : 05 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan proses penyerapan kakitangan syarikat PDP yang melaksana projek Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak berikutan pengambil alihan oleh JKR sebagai pelaksana projek, dan bagaimana lanjutan pelaksanaan beberapa bahagian yang belum diberikan lagi.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selaras dengan usaha Kerajaan untuk mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada negara, mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo telah diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Berikutan itu Kerajaan telah bersetuju dengan penamatan Perjanjian Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner Agreement – PDP*) dan kos pelaksanaan projek dapat dikurangkan dengan tiadanya pembayaran yuran PDP.

Sehubungan itu, Kerajaan akan menggunakan kepakaran teknikal sedia ada melalui JKR Negeri Sabah dan Sarawak dalam melaksanakan projek secara konvensional. Bagi memastikan kesinambungan pelaksanaan projek, Kerajaan berhasrat untuk mengekalkan Kontraktor Pakej Kerja (*Works Package Contractor*) dan perunding (*consultants*) sedia ada berdasarkan terma-terma yang dipersetujui. Selain itu, cadangan penyerapan kakitangan PDP adalah tertakluk kepada kontrak berkaitan, sama ada dapat diserapkan ke dalam JKR, kontraktor pakej kerja atau perunding. Buat masa ini, JKR Sabah sedang mengenalpasti dan mempertimbangkan kakitangan-kakitangan PDP yang berkaitan untuk diserapkan ke dalam pasukan projek Pan Borneo di Sabah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kerajaan akan tetap meneruskan pelaksanaan 11 pakej kerja Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan 15 pakej kerja Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Manakala baki 20 pakej kerja bagi Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keduabelas (RMKe-12) yang tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.